

08 SEP 2001

MSC-MICROSOFT

MICROSOFT IKRAR KOMITMEN KPD MSC

Oleh: Abdul Muin Abdul Majid

PUTRAJAYA, 8 Ogos (Bernama) -- Microsoft Corporation akan terus komited kepada Malaysia dan projek-projek Koridor Raya Multimedia (MSC) dari segi firma perisian gergasi itu boleh membantu mewujudkan syarikat-syarikat perisian baru di kalangan perusahaan Malaysia.

Naib presidennya, Michael Rawding, berkata hasrat ini disampaikan kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam pertemuannya di pejabat Perdana Menteri di sini, hari ini.

"Apa yang kami perbincangkan dengan Perdana Menteri adalah kesinambungan konsep yang ditumpukan oleh Microsoft di Malaysia dan kemajuan industri perisian tempatan serta jenis pengetahuan bahawa syarikat-syarikat perisian tempatan perlu lebih berdaya saing dan efektif," katanya kepada pemberita selepas pertemuan itu.

Beliau adalah seorang daripada lapan anggota dan perwakilan Panel Penasihat Antarabangsa MSC (IAP) yang mengadakan pertemuan bersemuka dengan Dr Mahathir di hari terakhir mesyuarat MSC-IAP kelima.

Rawding berkata perbincangan itu juga menyentuh mengenai penggunaan aplikasi perdana MSC sebagai perangsang kepada industri perisian tempatan dan bagaimana industri kecil dan sederhana (IKS) dalam sektor bukan IT menggunakan teknologi untuk menjadi lebih efektif dan kompetitif.

"Malahan, kami berbincang mengenai apa yang sedang kami usahakan di Pulau Pinang di mana kami cuba membantu pembekal peringkat kedua dan ketiga dalam industri elektronik menggunakan internet untuk mendapatkan hubungan yang lebih efektif kepada rantaian bekalan global," katanya.

Rawding berkata Microsoft berpuas hati dengan kemajuan MSC dan "perkara yang menggembirakan kami adalah sebenarnya melihat beberapa perisian hebat yang sedang dimajukan."

Siri-siri mesyuarat itu berlangsung lebih empat jam dengan panel pertama menemui Dr Mahathir pada 9 pagi adalah Dr John Gage daripada Sun Microsystems dan panel terakhir adalah Mikko Heikkonen daripada Nokia Corporation.

Perdana Menteri juga menemui met C.D Tam daripada Motorola; Duta Diana Lady Dougan (Pusat bagi Kajian Strategik dan Antarabangsa); Kjell Sorme (Ericsson Asia Pacific); Olivier Picard (Alcatel Southeast Asia); dan Antonio Romero (IBM Asean/Asia Selatan).

Sementara itu, Dr Gage berkata Perdana Menteri mengulangi azamnya untuk mengubah bentuk pendidikan di Malaysia.

"Selama beberapa tahun, kami telah bekerjasama untuk membolehkan setiap sekolah di Malaysia dihubungkan dengan Internet, untuk mengambil kesempatan perubahan dalam bahan-bahan pendidikan, bukan sekadar untuk pelajar tetapi juga untuk guru-guru," katanya.

Beliau berkata senario sekarang adalah lebih ramai pelajar yang celik teknologi berbanding guru mereka.

"Oleh itu kami membincangkan kaedah-kaedah yang boleh kami gunakan di Malaysia untuk membolehkan guru-guru bergerak selari dengan perkembangan terkini dan kemudiannya menggunakannya dalam pengajaran mereka," kata Dr Gage.

Sementara itu, Picard daripada Alcatel berkata beliau juga memperbaharui komitmen syarikatnya untuk terus melabur di Malaysia dan MSC khususnya.

Beliau berkata Alcatel kini mempunyai 500 pekerja di Malaysia di mana 70 hingga 80 peratus adalah sama ada jurutera atau juruteknik dan merancang

untuk mengambil lebih ramai pekerja bagi operasinya di negara ini.

Manakala Romero daripada IBM berkata beliau dan Dr Mahathir berbincang mengenai beberapa bahagian khas yang sedang diusahakan oleh IBM termasuklah perakuan pekerja berpengetahuan. -- BERNAMA

MAM MR ZK